

USIM unggul Pertandingan Mahkamah MUT

Jenis A

Oleh SITI MAIZATUL AKMAR ISMAIL

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) terus menyinar apabila pelajarnya meraih ketiga-tiga anugerah dalam Pertandingan Mahkamah MUT Syariah Peringkat Kebangsaan 2009, baru-baru ini.

Anugerah Pasukan Terbaik melayakkan USIM menerima wang tunai RM5,000, piala dan sijil penyertaan. Selain itu, pelajar tahun 4, sarjana muda Syariah dan Undang-Undang USIM, Ummu Umairah Azahari dinobatkan sebagai penghujah terbaik dan menggondol wang tunai RM1,500, piala dan sijil penyertaan.

Bagi Anugerah Hujahan Bertulis Terbaik, USIM membawa pulang RM3,000, piala iringan beserta sijil penyertaan.

Pertandingan Mahkamah MUT Syariah Peringkat Kebangsaan ini adalah anjuran USIM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti-universiti Malaysia



MUHAMMAD Muda menyampaikan cek kepada pasukan terbaik Pertandingan Mahkamah MUT Syariah Peringkat Kebangsaan 2009 di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, baru-baru ini.

(MATDUM) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

Ia berlangsung pada 12 hingga 13 Disember 2009 di kampus USIM di Nilai, Negeri Sembilan.

Sebanyak 14 pasukan daripada tujuh institusi pengajian tinggi menyertai pertandingan ini. Antaranya, USIM, Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Darul Iman (UDM) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin berkata, inisiatif melaksanakan dan membawa undang-undang syariah dalam pertandingan MUT adalah satu usaha yang dapat memartabatkan disiplin pengajian



PERTANDINGAN Mahkamah MUT Syariah memberi pengalaman sebenar keadaan di mahkamah kepada para peserta.

undang-undang syariah di negara ini.

Katanya, sudah tiba masanya program-program pengajian syariah melaksanakan kaedah MUT sebagai aktiviti rutin seperti yang dilakukan dalam pengajian undang-undang sivil.

"Ia memandangkan pendekatan ini bersesuaian dengan tradisi keilmuan dan keserjanaan Islam yang berasaskan hujah dan dalil yang mantap", katanya pada majlis penutup pertandingan, baru-baru ini.

Ucapannya dibaca oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda.

Pertandingan yang julung kali diadakan ini bertujuan memartabatkan

undang-undang syariah.

Seterusnya memperlihatkan kepada pelajar dan masyarakat umum tentang pemakaian undang-undang syariah substantif dan prosedur sesuai dengan amalan undang-undang syariah di negara ini.

Tajuk permasalahan MUT Syariah 2009 adalah berkenaan 'Tuntutan Harta Sepencarian' yang disediakan oleh PGSM.

Pertandingan menggunakan format *The Philip C. Jessup international Law Moot Court Competition (Jessup)* yang melibatkan hakim-hakim yang beribawa seperti Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan dan PGSM.

SALAH Seorang 'peguam' berhujah pada sesi Mahkamah MUT Syariah.